



**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**PERSIARAN MAJLIS, JALAN SULTAN ALAM SHAH,**  
**42700 BANTING, SELANGOR DARUL EHSAN.**  
**TEL : 03-3187 2825 FAKS : 03-3187 9304**  
**[www.mpkl.gov.my](http://www.mpkl.gov.my)**

---

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

**NO. FAIL : MPKL/JKP/01/PERKH/024 JLD.5 (17)**

Permohonan dipelawa kepada warganegara Malaysia, **keutamaan akan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan** yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun sehingga 56 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan seperti yang berikut:

<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GRED</b>	<b>TARAF</b>	<b>BILANGAN KEKOSONGAN</b>
1.	PENOLONG AKAUNTAN	W29	Kontrak	2
2.	PEMBANTU AKAUNTAN	W19	Kontrak	1

## 1. PENOLONG AKAUNTAN GRED W29

Taraf Jawatan : Kontrak  
Kekosongan : 2  
Jadual Gaji : Gaji Minimum : RM1,498.00 – Gaji Maksimum : RM5,678.00

### SYARAT - SYARAT KELAYAKAN:

- a) sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan: RM1,510.92 ); atau
- b) *Certified Accounting Technician* (CAT) yang diiktiraf oleh kerajaan.  
( Gaji permulaan: RM1,510.92 ); atau
- c) diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan: RM1,776.08 ); atau
- d) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan: RM2,001.68 ).
- e) kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 2. PEMBANTU AKAUNTAN GRED W19

Taraf Jawatan : Kontrak  
Kekosongan : 1  
Jadual Gaji : Gaji Minimum : RM1,353.00 – Gaji Maksimum : RM4,005.00

### SYARAT - SYARAT KELAYAKAN:

- a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kejujukan dalam subjek Matematik dan Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.  
( Gaji permulaan: RM1,353.00 ); atau
- b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan: RM1,409.40 ); atau
- c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan: RM1,409.40 ); atau

- d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan: RM1,465.80 ); atau
- e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan: RM1,465.80 ).
- f) kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **Cara Memohon :**

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh diperolehi di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting atau muat turun dari laman web [www.mpkl.gov.my](http://www.mpkl.gov.my).
- b) Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan/ Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- c) Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dengan gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan pemohon, salinan kad pengenalan ibu dan bapa pemohon, salinan sijil kelahiran pemohon, salinan sijil kelahiran ibu dan bapa pemohon, salinan sijil-sijil akademik dan ko-kurikulum serta salinan sijil-sijil penghargaan yang telah diakui sah oleh Wakil Rakyat/ Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Profesional/ Pengetua/ Guru Besar/ Penghulu/ Ketua Kampung. Nama jawatan hendaklah dicatat di penjuru kanan sampul surat.
- d) Sijil dan diploma perlu disertakan bersama-sama surat pengiktirafan kelayakan perkhidmatan awam dari Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*)
- e) Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan hanya calon-calon yang layak melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- f) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan adalah tidak berjaya.
- g) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar selewat-lewatnya jam 4.30 petang pada tarikh tutup permohonan ke :

**Bahagian Sumber Manusia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat,  
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah,  
42700 BANTING**

- h) Tarikh permohonan pada **11 sehingga 24 Januari 2022.**